[JPA. Sulit 2265/13B/Jld. 2/(124).]

SIRI No. 0006

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1980

ELAUN KHAS DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DALAM PERTUKARAN ANTARA WILAYAH

Sebagai hasil satu penyemakan dalam perlaksanaan dasar penyatuan perkhidmatan sepertimana yang dihuraikan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978, penempatan pegawai-pegawai untuk menjalankan tugasnya yang melibati pertukaran dari satu wilayah ke satu wilayah lain dalam Malaysia boleh menimbulkan kesulitan dalam pertalian keluarga dan kemasyarakatan yang sangat disanjung oleh rakyat. Walau apapun, pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam dikehendaki menunaikan tugasnya mengikut arahan Kerajaan. Untuk meringankan kesulitan itu Kerajaan telah meluluskan satu skim Elaun Penempatan Khas dan kemudahan-kemudahan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini sebagai tambahan kepada yang telah diluluskan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978.

2. Bagi maksud menikmati Elaun Penempatan Khas dan kemudahan-kemudahan yang tersebut:

"Wilayah" ertinya Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dan taraf tiap-tiap pegawai dari segi wilayah adalah ditentukan oleh tempat pengambilannya dan/atau di mana tempat ia melaporkan diri bertugas apabila dilantik ke jawatan yang berkenaan;

"Keluarga" menyatakan taraf pegawai yang telah berkahwin dan "Ahli Keluarga" ertinya suami atau isteri dan anak seseorang pegawai.

Elaun Penempatan Khas

3.1 Tertakluk kepada peraturan dalam perenggan-perenggan kecil yang berikut, Elaun Penempatan Khas menurut kadar yang ditetapkan di dalam Lampiran "A" adalah dibayar apabila seseorang pegawai bertukar dari Wilayah pengambilannya ke satu wilayah yang lain melainkan pegawai-pegawai yang bertukar dari Negeri Sabah ke Negeri Sarawak atau sebaliknya kerana mereka hendaklah kekal dengan kelayakannya untuk menerima Elaun Wilayah.

3.2 Pegawai-pegawai yang menerima bayaran Elaun Penempatan Khas tidak layak dibayar Elaun Wilayah bersama-sama dengannya.

3.3 Kadar keluarga hendaklah dibayar kepada pegawai yang berkahwin atau pegawai yang bertaraf balu atau janda atau duda yang mempunyai anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai itu. Kadar bujang pula hendaklah dibayar kepada pegawai yang belum berkahwin atau pegawai yang bertaraf balu atau janda atau duda yang tidak mempunyai anak dalam tanggungannya.

3.4 Di dalam keadaan di mana suami dan isteri adalah kedua-duanya pegawai di dalam perkhidmatan awam yang ditempatkan berkhidmat di luar daripada wilayah pengambilannya dilakukan, bayaran Elaun Penempatan Khas adalah dibuat kepada seorang sahaja iaitu kepada pegawai yang pertama melaporkan diri bertugas di luar daripada wilayahnya.

3.5 Walau apapun yang diperuntukkan di dalam perenggan kecil 3.4 di atas, apabila dua orang pegawai awam suami-isteri telah bertukar tempat bertugasnya ke luar wilayah, salah seorang di antara kedua pegawai iaitu yang menerima gaji yang lebih tinggi boleh memilih, dari tarikh semasa, untuk menerima Elaun Penempatan Khas yang lebih tinggi dengan syarat isteri atau suaminya, mengikut mana yang berkenaan menyerahkan kelayakannya menerima Elaun Penempatan Khas untuk digantikan dengan Elaun Wilayah.

3.6 Bayaran Elaun Penempatan Khas berkuatkuasa mulai daripada 1hb Julai, 1978. Pegawai-pegawai yang telah menerima arahan pertukaran yang berkuatkuasa sebelum daripada tarikh Pekeliling ini bolehlah mengemukakan tuntutan bagi bayaran tunggakan elaun tersebut tertakluk kepada peraturan-peraturan dalam perenggan ini.

Elaun Gangguan

4. Elaun Gangguan di atas kadar sebulan gaji hakiki boleh dibayar apabila seseorang pegawai itu ditukarkan dari satu wilayah ke satu wilayah yang lain. Kadar Elaun Gangguan yang dilayaki akan ditentukan apabila pegawai berkenaan ditukarkan semula ke wilayah asalnya. Sekiranya perlu pegawai yang bertukar dengan meninggalkan wilayahnya boleh dibayar separuh daripada Elaun Gangguan berasaskan kepada gaji yang diterimanya sebelum pertukaran yang diarahkan itu yang dianggap sebagai pendahuluan kepada kelayakannya yang akan ditentukan berdasarkan kepada gaji hakiki pada akhir pertukarannya ke luar wilayah itu. Baki bayaran Elaun Gangguan akan dibayar berasaskan kepada gaji terakhir yang diterima oleh pegawai itu sejurus sebelum ia bertukar semula ke wilayah asalnya. Bagi dua orang pegawai suami-isteri yang bertukar ke luar wilayah, hanya seorang sahaja yang layak menuntut Elaun Gangguan berasaskan kepada pegawai yang menerima gaji yang lebih tinggi, jika pertukaran itu mengambil tempat ke wilayah yang sama.

Perumahan

5. Sekiranya pegawai itu menduduki rumah Kerajaan ataupun rumah yang disewa oleh Kerajaan, maka ia akan dikenakan bayaran sewa mengikut kelayakannya itu atas kadar sewa setempat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Penamatan Syarat-syarat Pinjaman/Tukar Sementara

6. Pegawai-pegawai Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak yang sedang berkhidmat di luar wilayah lantikan asalnya yang ditukarkan dengan syarat-syarat pertukaran yang berkuatkuasa sebelum 1hb Julai, 1978 dan syarat-syarat itu masih berkuatkuasa lagi bolehlah terus menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang telah diberikan di bawah syarat-syarat tersebut secara khas untuk penyandang sehingga tamat tempoh pertukaran pinjaman atau sebelum 1hb Julai, 1980 mengikut tarikh yang lebih awal. Setelah tempoh pertukaran itu tamat kelak dan pertukarannya itu disambung lagi di atas kehendak Kerajaan, maka syarat-syarat pertukaran mengikut Pekeliling ini hendaklah dipakai keseluruhannya kepada pegawai itu mulai daripada tarikh penempatannya itu disambung.

Pertukaran ke Luar Wilayah Atas Permintaan Sendiri

7. Pegawai-pegawai Semenanjung Malaysia yang memohon atas kehendak diri sendiri atau atas sebab-sebab peribadi atau semata-mata hendak mengikuti suami atau isteri yang telah diarah bertukar ke Sabah atau Sarawak tidak layak dibayar Elaun Penempatan Khas/Imbuhan dan juga kemudahan-kemudahan yang lain di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, mereka itu bolehlah dibayar Elaun Wilayah. Begitu juga pegawai-pegawai dari Sabah atau Sarawak yang memohon atas kehendak diri sendiri atau mengikuti suami ke Semenanjung Malaysia tidaklah layak mendapat apa-apa kemudahan di bawah Pekeliling ini.

8. Ketua-ketua Perkhidmatan/Jabatan yang mengendalikan pertukaran pegawai-pegawainya antara wilayah hendaklah mematuhi sepenuhnya peruntukan-peruntukan di dalam Pekeliling ini dan sebarang keputusan untuk menukarkan pegawai-pegawai antara wilayah hendaklah dibuat berasaskan kepada kepentingan perkhidmatan semata-mata sama ada melalui pelawaan ataupun secara arahan. Jika seseorang pegawai itu dibenarkan bertukar antara wilayah semata-mata atas sebab-sebab peribadi atau kerana mengikuti suami atau isterinya, maka hakikat ini hendaklah dinyatakan dengan jelasnya dalam surat pertukaran itu. Sekiranya terdapat sebarang keraguan tentang mana-mana peruntukan di dalam Pekeliling ini, maka Ketua-ketua Jabatan hendaklah mengemukakannya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

Pembatalan

9. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1967 adalah dibatalkan.

Lanjutan Pemakaian

10. Peruntukan-peruntukan di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini bolehlah dipakai kepada pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun yang bertukar wilayah setelah peruntukan-peruntukan ini disetujuterima oleh pihak berkuasa pengurusan masing-masing.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR;
17hb Januari, 1980.

LAMPIRAN "A"

(i) *Pegawai Semenanjung Malaysia yang ditukar ke Sabah atau Sarawak:*

Lingkungan Gaji	KADAR SEBULAN	
	Keluarga	Bujang
Kurang daripada $285	$210	$125
$ 285–$ 364 ...	240	155
365– 484 ...	270	185
485– 604 ...	300	215
605– 724 ...	330	245
725– 944 ...	360	275
945– 1,044 ...	390	305
1,045– 1,164 ...	420	335
1,165– 1,284 ...	450	365
1,285– 1,404 ...	480	395
1,405– 1,804 ...	510	425
1,805– 2,304 ...	550	465
2,305– 2,524 ...	600	515
2,525– 2,744 ...	650	565
2,745– 2,865 ...	700	615
2,965 ke atas ...	750	665

(ii) *Pegawai Sabah atau Sarawak yang ditukarkan ke Semenanjung Malaysia:*

Lingkungan Gaji	KADAR SEBULAN	
	Keluarga	Bujang
Kurang daripada $285	$170	$ 85
$ 285–$ 364 ...	190	110
365– 484 ...	215	130
485– 604 ...	240	155
605– 724 ...	265	180
725– 944 ...	290	205
945– 1,044 ...	310	230
1,045– 1,164 ...	335	250
1,165– 1,284 ...	360	275
1,285– 1,404 ...	385	300
1,405– 1,804 ...	410	325
1,805– 2,304 ...	440	355
2,305– 2,524 ...	480	395
2,525– 2,744 ...	520	435
2,745– 2,865 ...	560	475
2,965 ke atas ...	600	515

JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR

69019—28-1-80.